

20/03/1997

Kerajaan Singapura didesak keluaran kenyataan

MELAKA, Rabu - Umno bahagian Batu Berendam mendesak kerajaan Singapura mengeluarkan kenyataan rasmi tidak merestui kenyataan pemimpin republik itu yang menghina Johor sebagai tempat terkenal dengan kejadian 'tembak-menembak, samun dan rampas kereta'.

Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong diminta mengeluarkan kenyataan rasmi itu bagi membuktikan kejujuran Singapura tidak merestui kenyataan Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew serta Timbalan Perdana Menterinya, Lee Hsien Loong mengenai perkara itu.

Ketetapan itu dibuat dalam mesyuarat Umno bahagian Batu Berendam yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, yang juga Ketua Umno bahagian Batu Berendam di sini, malam tadi.

Surat mengenai pendirian Umno bahagian Batu Berendam itu dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno, hari ini.

Mohd Ali berkata, Kabinet Singapura hendaklah membincangkan perkara itu dan memberi amaran kepada Kuan Yew serta Hsien Loong supaya tidak mengulangi kenyataan berkenaan atau mengeluarkan kenyataan lain yang menghina pada masa depan.

(END)